Bagi tahun kewangan yang ditinjau, MRCB merekodkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM81.3 juta, satu perubahan memberangsangkan berbanding kerugian sebelum cukai sebanyak RM1.4 bilion yang dicatatkan pada tempoh sebelumnya. Keupayaan Kumpulan kembali mencatatkan keuntungan telah dicapai melalui perolehan sebanyak RM248.6 juta, satu pertambahan kecil berbanding RM229.0 juta yang dicapai pada tahun kewangan sebelumnya.

Kumpulan terus mendapat manfaat daripada prestasi memuaskan syarikat-syarikat bersekutunya yang terus mencatatkan keputusan yang bertambah baik. Bahagian Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutunya telah mencatatkan keuntungan sebanyak RM82.9 juta bagi tahun kewangan yang ditinjau. Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat dalam sektor media massa, iaitu Sistem Televisyen Malaysia Berhad ("TV3") telah mencatatkan kerugian

Malaysia Berhad ("TV3") which registered losses due to high financing costs, exceptional items relating to provision for diminution of investments, various write-offs of programme stock and deferred expenditure incurred by subsidiaries.

On the strength of the Group's improved performance, earnings per share improved to 5.93 sen for the year under review from a loss of 148.63 sen recorded in the previous corresponding year. Accordingly, shareholders' funds rose to RM1,141.6 million at the end of the financial year under review period from RM1,079.5 million a year ago.

The Group continues to evaluate its financing options to meet its funding requirements with the objective of optimising borrowings cost levels. This exercise is conducted right down to the subsidiary and associate companies.

The Group's asset disposal programme to reduce borrowings is completed; while the disposal of non-core assets is ongoing to allow the Group to remain focused on its core activities. The reduction in borrowing costs, along with the projected increase in Group activities is expected to translate to better financial performance in the subsequent years.

Although the results are encouraging, we deem it necessary to continue adopting a prudent stance. In line with this, the Board of Directors is recommending that no dividend be declared for the financial year ended 31 August 2000.

**Y2K Rollover** I am pleased to report that the MRCB Group was able to welcome the new millennium without encountering any problems from the Y2K computer glitch. During the critical crossover period, all electronic systems operated smoothly and there were no reports of any untoward incidents, as a result of adequate preparations in all our operational areas. Although we were fully Y2K compliant at the end of December 1999, an Emergency Response Team was set up to keep a round-the-clock vigil during the rollover period.

**Corporate Developments** The year under review saw the active pursuit of the Group's ongoing corporate restructuring exercises that resulted in the Group being streamlined into the following seven core business divisions: Multimedia; Media; Property Development and Management;

akibat kos pembiayaan kewangan yang tinggi, perkara luar jangkaan berkaitan penyediaan untuk penurunan nilai pelaburan, pelbagai program pelupusan stok serta perbelanjaan tertunda yang ditanggung oleh beberapa syarikat subsidiari.

Berasaskan prestasi Kumpulan yang telah meningkat, pendapatan sesahamnya meningkat kepada 5.93 sen pada tahun yang ditinjau berbanding kerugian sebanyak 148.63 sen yang direkodkan sepanjang tahun sebelumnya. Sehubungan itu, dana pemegang saham juga melonjak kepada RM1,141.6 juta pada akhir tahun yang ditinjau berbanding RM1,079.5 juta pada tahun sebelumnya.

Kumpulan terus menilai pilihan pembiayaan kewangannya dengan objektif untuk mengoptimum tahap kos pinjamannya. Langkah ini dijalankan sehingga ke peringkat syarikat-syarikat subsidiari dan bersekutu.

Program penjualan aset Kumpulan yang bertujuan untuk mengurangkan pinjaman telah selesai; sementara penjualan aset-aset bukan teras masih berterusan untuk membolehkan Kumpulan terus memfokus kepada aktiviti-aktiviti perniagaan terasnya. Pengurangan kos pinjaman serta unjuran peningkatan aktiviti Kumpulan dijangka menghasilkan prestasi kewangan yang lebih baik pada tahun-tahun akan datang.

Walaupun keputusan yang dicapai menggalakkan, kami masih meneruskan langkah berhemat. Selaras dengan matlamat tersebut, Lembaga Pengarah mencadangkan agar tiada dividen diisytiharkan bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2000.

**Peralihan ke Tahun 2000** Saya dengan sukacitanya ingin melaporkan bahawa Kumpulan MRCB mampu menyambut alaf baru tanpa menghadapi sebarang masalah yang berlaku akibat gangguan komputer Y2K. Sepanjang tempoh peralihan yang kritikal itu, semua sistem elektronik beroperasi dengan lancar dan tiada laporan mengenai sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku akibat kekurangan persediaan dalam semua bidang operasi kami. Walaupun kami mematuhi keperluan Y2K sepenuhnya pada akhir bulan Disember 1999, sebuah Pasukan Tindak Balas Kecemasan telah ditubuhkan untuk mengawasi tempoh peralihan tersebut.

Engineering and Construction; Infrastructure; Energy and International Business. The areas of focus are defined by the Group's core competencies and strategic move forward to realise its vision. Companies within the Group are organised into strategic clusters under this new structure; facilitating the sharing of expertise and the realisation of synergies in a more effective manner.

With this new structure in place, each division will concentrate its efforts on vertical growth, maintaining a strategic focus and striving for excellence in its respective area of activity. This will enable the Group to achieve optimum returns from its core business activities.

High on our recovery agenda are efforts directed at strengthening MRCB from within and shaping a stronger future for the Group. To this end, we intensified our review directed towards maximising value and returns from the Group's assets. Cost cutting, improved governance, sustained measures for boosting productivity and efficiency and disposal of non-core assets are some of the strategies being employed.

The year under review also saw the completion of our asset disposal programme aimed at alleviating our debt burden and realising considerable interest savings for the Group. The programme involved, among others, realising the value of some of our matured assets while at the same time, enabling us to pursue our strategy of disposing of our investments in companies where we do not have management control or are considered as non-core to the Group.

**Perkembangan Korporat** Tahun yang ditinjau menyaksikan Kumpulan berusaha gigih untuk melaksanakan langkah penyusunan semula operasi korporat kepada tujuh bahagian perniagaan teras: Multimedia; Media; Pembangunan dan Pengurusan Hartanah; Kejuruteraan dan Pembinaan; Infrastruktur; Tenaga dan Perniagaan Antarabangsa. Tumpuan perniagaan sebegini adalah berdasarkan kepada kepakaran dan langkah strategik Kumpulan untuk merealisasi wawasannya. Syarikat-syarikat dalam Kumpulan dibahagikan kepada kelompok strategik di bawah struktur baru ini bagi membolehkan perkongsian kepakaran dan pencapaian sinergi yang lebih berkesan.

Struktur baru ini akan membolehkan setiap bahagian menumpukan usaha masing-masing bagi mencapai pertumbuhan menegak sambil mengekalkan penumpuan strategik dan tahap kepakaran dalam aktiviti masing-masing. Ini akan membolehkan Kumpulan mencapai pulangan optimum daripada aktiviti perniagaan terasnya.

Perhatian utama dalam agenda pemulihan kami adalah usaha ke arah mengukuhkan MRCB dari dalam dan membentuk masa depan yang lebih cemerlang untuk Kumpulan. Bagi mencapai matlamat tersebut, kami telah melipatgandakan usaha ke arah mencapai nilai dan pulangan maksimum daripada aset Kumpulan. Usaha penjimatan kos, memperbaiki tahap pengawasan, meneruskan langkah-langkah untuk mempertingkatkan produktiviti dan kecekapan dan pada masa yang sama menjual beberapa aset bukan teras, adalah sebahagian daripada strategi yang dilaksanakan.

Tahun yang ditinjau menyaksikan program penjualan aset yang bertujuan untuk mengurangkan beban hutang dan mencapai penjimatan faedah bagi Kumpulan selesai dijalankan. Antara lain, program ini melibatkan usaha mengenalpasti nilai sebenar beberapa aset kami yang telah matang dan pada masa yang sama membolehkan kami meneruskan strategi menjual kepentingan di dalam syarikat-syarikat yang tidak mempunyai kawalan pengurusan sepenuhnya atau yang dianggap sebagai bukan perniagaan teras Kumpulan.

Sejajar dengan program tersebut, kami telah menyelesaikan penjualan 30% kepentingan sebagai pengeluar tenaga bebas (IPP), Port Dickson Power Berhad dan 49.99% kepentingan ekuiti dalam JanaUrus PDP Sdn Bhd dengan bayaran tunai sebanyak RM204 juta. MRCB juga telah memeterai perjanjian untuk menjual keseluruhan 22.7% kepentingan ekuitinya dalam syarikat senarai awam, Malakoff Berhad ("Malakoff") dengan bayaran tunai sebanyak RM744.1 juta. Penjualan ini telah diselesaikan dalam dua pecahan: 4.5% pertama berjumlah RM148.8 juta pada tahun yang ditinjau dan baki 18.2% iaitu sebanyak RM595.3 juta, selepas tahun yang

In line with this, we completed the disposal of our 30% interest in independent power producer (IPP), Port Dickson Power Berhad and 49.99% equity interest in JanaUrus PDP Sdn Bhd for a total cash consideration of RM204 million. MRCB also entered into an agreement to dispose of its entire 22.7% equity interest in public-listed Malakoff Berhad ("Malakoff") for a total cash consideration of RM744.1 million. The disposal was completed in two tranches: the first 4.5% for RM148.8 million during the year under review, and the balance 18.2%, for RM595.3 million subsequent to the financial year under review. A major portion of the proceeds from these disposals went into reducing the Group's borrowings. Much relieved from the overhang of a crippling debt burden, we will be able to get down to the tasks at hand and channel our efforts on creating value in our businesses.

The power sector remains one of the Group's core activities, and given our considerable experience, we were given the approval by the Government to lead a consortium to develop and operate a new 710MW combined-cycle gas turbine power plant. Subsequent to the year under review, MRCB signed a shareholders agreement with Kumpulan Darul Ehsan Berhad ("KDEB") for the latter to participate in the equity of Sepang Power Sdn Bhd, an MRCB subsidiary and the joint-venture company that will undertake this mega project on a 70:30 basis. Clearing works on the 243-acre site for the power plant in Kuala Langat, Selangor has since commenced with the first open-cycle commercial operation targeted for August 2002; while the conversion to combined-cycle operation is scheduled for May 2003. Once operations commence, the returns on this new venture are expected to enhance the Group's cash flow position. In the meantime, the Group's Engineering and Construction division is also expected to gain considerably during the construction of the power plant, expected to cost in excess of RM2 billion. Since the cost of equity to set up a new plant is considerably lower, there is tremendous potential for the Group to enhance the value of its investment in this venture.

ditinjau. Sebahagian besar hasil penjualan tersebut telah disalur untuk mengurangkan pinjaman Kumpulan. Selepas lega daripada belenggu beban hutang, kini kami mampu untuk meneruskan usaha-usaha menerbitkan peningkatan nilai dalam semua perniagaan kami.

Sektor tenaga kekal sebagai salah satu perniagaan teras Kumpulan dan dengan pengalaman Kumpulan yang luas, Kerajaan telah memberi kelulusan kepada kami untuk mengetuai satu konsortium bagi membangun dan mengendalikan sebuah loji janakuasa turbin gas kitaran padu baru berkuasa 710MW. Selepas tahun yang ditinjau, MRCB telah menandatangani satu perjanjian pemegang saham dengan Kumpulan Darul Ehsan Berhad ("KDEB") bagi membolehkan KDEB mengambil bahagian dalam ekuiti Sepang Power Sdn Bhd, sebuah syarikat subsidiari MRCB dan syarikat usahasama yang akan menjalankan projek mega ini berasaskan 70:30. Kerja membersih tapak seluas 243 ekar bagi loji janakuasa di Kuala Langat, Selangor ini telah dimulakan dan operasi secara komersial kitaran pertamanya dijadual bermula pada bulan Ogos 2002; sementara tarikh pertukaran kepada operasi kitaran padu pula dijadual akan bermula pada bulan Mei 2003. Sebaik sahaja operasi bermula, pulangan daripada usahaniaga baru ini dijangka akan meningkatkan kedudukan aliran tunai Kumpulan. Sementara itu, bahagian Kejuruteraan dan Pembinaan Kumpulan juga dijangka akan mencapai faedah besar sepanjang tempoh pembinaan loji tenaga ini yang dijangka akan menelan belanja melebihi RM2 bilion. Oleh kerana kos ekuiti untuk mendirikan loji baru ini adalah sangat rendah, Kumpulan mempunyai potensi untuk mempertingkatkan nilai pelaburannya dalam usahaniaga ini.

Dalam bidang operasi pula, sebagai langkah untuk merealisasi nilai asetnya sendiri dan memelihara aliran tunai, pada bulan November 1999, MRCB telah memindahkan ibu pejabat korporatnya ke Menara MRCB di Shah Alam yang dimiliki oleh syarikat subsidiarinya, MRCB Selborn Corporation Sdn Bhd. Ia merupakan sebahagian daripada projek pembangunan utama Bandaraya Shah Alam, yang dikenali dengan nama Pembangunan Dataran Selbourne.

**Memasuki Dunia Ekonomi Baru** Dunia kini memberi tumpuan kepada Internet dan revolusi IT. Kedua-duanya dijangka akan menentukan daya saing syarikat dalam ekonomi baru, yang mana kedua-dua kepakaran ini telah dimiliki oleh Kumpulan. Bahagian Multimedia Kumpulan telah ditubuh untuk melancarkan

On the operational side, as a move to realise the value of its own assets and conserve cash flow, in November 1999, MRCB shifted its corporate headquarters to Menara MRCB in Shah Alam, a building owned by MRCB Selborn Corporation Sdn Bhd, a subsidiary of MRCB. The building forms part of the city's foremost development project, Selbourne Square.

**Embracing the New Economy** The world is abuzz with the Internet and IT revolution. Both events are expected to define a company's competitiveness in the new economy, and both are at our disposal. The Group's Multimedia division was set up to streamline efforts and equip us with the competitive edge as the nation enters the New Economy. Spearheaded by this division, the Group believes that this is the opportune time for us to consolidate our presence with a more proactive and structured manner in the e-business arena.

Increasingly revolutionising the way in which businesses operate, the e-economy is here to stay and presents the Group with tremendous potential. We have witnessed and learned from the first wave of the Internet. The next wave promises to be of even greater proportion with new and emerging technologies making a stronger presence in our daily lives. On the back of this scenario, the Group has put into place its plans to make its presence felt in the global marketplace.

Armed with the experience, existing businesses and ready communities, the MRCB Group is poised to make an effective transformation into the click-and-mortar business environment and fully capitalise on the power of the Internet to strengthen the competitiveness of its core businesses. The e-economy presents great potential for the MRCB Group to enhance the value of its traditional brick-and-mortar businesses. By going on-line in its various activities, the Group can reap tremendous cost savings from the supply and value chain efficiency.

In embracing the new economy, MRCB is venturing into familiar territory. The Group has already made inroads in multimedia content development through MRCB Multimedia Consortium Sdn Bhd ("MMCSB"), a Multimedia Super Corridor ("MSC") status company developing content for the "Electronic Government" or e-Government, a flagship application under the MSC launched by the Malaysian

lagi usaha serta melengkapkan diri kami dengan kelebihan daya saingan sejajar dengan langkah negara memasuki Ekonomi Baru. Menerusi bahagian ini, Kumpulan mengambil kesempatan untuk mengukuhkan kehadirannya dengan cara yang lebih proaktif dan melalui penyertaan yang tersusun dalam arena e-niaga.

E-ekonomi yang semakin mengubah cara perniagaan dikendalikan, dijangka akan berterusan dan menawarkan potensi yang besar kepada Kumpulan. Kami telah menyaksi dan mempelajari banyak perkara daripada gelombang pertama Internet. Gelombang berikutnya dijangka akan menawarkan lebih banyak peluang baru dan kehadiran teknologi ini amat ketara dalam kehidupan seharian kita. Berdasarkan senario ini, Kumpulan telah mengatur rancangan untuk menempatkan dirinya dalam pasaran global.

Dengan pengalaman, perniagaaan dan komuniti yang sedia ada, Kumpulan MRCB berada dalam kedudukan yang sesuai untuk membuat perubahan yang berkesan ke dalam persekitaran klik dan mortar dan mengambil peluang sepenuhnya manfaat daripada Internet untuk mengukuh dan meningkatkan daya saing perniagaan terasnya. E-ekonomi memberikan potensi yang besar kepada Kumpulan MRCB untuk mempertingkatkan nilai perniagaan asas tradisinya. Dengan mengendali secara on-line segala aktiviti perniagaan, Kumpulan boleh menjimatkan kos yang besar daripada kecekapan rantaian bekalan dan nilai Kumpulan.

Dalam mengharungi dunia ekonomi baru, MRCB telah meneroka dalam bidang yang tidak asing kepadanya. Kumpulan telah pun menembusi ke dalam pembangunan kandungan multimedia melalui MRCB Multimedia Consortium Sdn Bhd ("MMCSB"), sebuah syarikat bertaraf Koridor Raya Multimedia ("MSC") yang mengambil bahagian untuk membangunkan kandungan "Kerajaan Elektronik", sebuah aplikasi induk di bawah MSC yang dilancarkan oleh Kerajaan Malaysia untuk melonjakkan negara ke era maklumat. MMCSB telah diberi hak untuk membangunkan Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia ("HRMIS") untuk Kerajaan. Apabila siap nanti, HRMIS akan membolehkan Kerajaan mewujudkan maklumat sumber manusia terkini yang disatukan dalam Perkhidmatan Awam bagi menyediakan perancangan dan pengisian sumber manusia yang lebih berkesan.

Government to propel the country into the information age. MMCSB has won the right to develop the Human Resource Management Information System ("HRMIS") for the Government. When completed, HRMIS will provide the Government with consolidated human resource information within the Civil Service which in turn will enable more effective human resource planning, recruitment and management.

Already enjoying the unique position of having access to both broadcast and print media content through Group companies TV3 and The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad ("NSTP"), the Group is in the advantageous position to forge ahead with the Group's vision of becoming a leading multimedia player in the country. With existing content under the two entities, MRCB Multimedia is intensifying efforts to source, create, package and deliver the information needs of niche markets.

On 21 August 2000, MRCB entered into a Sales and Purchase Agreement to acquire a 59.6% shareholding in Sibexlink Sdn Bhd which will effectively allow us to extend our reach beyond local shores. The company was originally set up as a result of a collaboration between the G-15 countries to privatise the marketing activities of the South Investment Trade Technology Data Exchange ("SITTDEC"). SITTDEC is the international organisation created by the G-15 countries to provide a mechanism for enhancing investments, trade and technology transfer among developing countries. Sibexlink operates the Sibexlink portal, the official trade and information sharing channel among the G-15 and other South-South developing nations.

Subsequent to the year under review, MRCB entered into an agreement to form a partnership with Webvision Inc. (USA), a leading networked Internet data centre and e-business solution provider in the USA, for MRCB Multimedia to be the exclusive representative for the latter's products and services in this region, covering countries in East Asia and a few African nations.

**Shaping The Future** In the wake of the Internet revolution sweeping across the world and the impending liberalisation of trade, MRCB is re-inventing itself in order to effectively fulfil its role in delivering critical resources towards Malaysia's industrialisation plans.

Kumpulan menikmati kelebihan unik kerana memiliki kepentingan di dalam dua media iaitu penyiaran dan cetak melalui TV3 dan The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad ("NSTP"), yang membolehkannya berada dalam kedudukan yang baik bagi merealisasi wawasannya menjadi peneraju multimedia terkemuka negara ini. MRCB Multimedia sedang melipatgandakan usahanya untuk mencari, mencipta, mempakej dan menghantar keperluan maklumat ke beberapa pasaran tertentu.

Pada 21 Ogos 2000, MRCB telah memeterai perjanjian Jual Beli untuk mengambilalih 59.6% pegangan saham dalam Sibexlink Sdn Bhd bagi membolehkan Kumpulan meluaskan kepakaran ke luar negara. Pada asalnya, syarikat ini telah ditubuh berikutan permuafakatan antara negara-negara G-15 untuk menswastakan aktiviti pemasaran Pertukaran Data Teknologi Perdagangan Pelaburan Selatan ("SITTDEC"). SITTDEC ialah sebuah organisasi antarabangsa yang diwujudkan oleh negara-negara G-15 untuk menyediakan mekanisme bagi mempertingkatkan pelaburan, perdagangan dan pemindahan teknologi di kalangan negara-negara sedang membangun. Sibexlink mengendalikan portal Sibexlink yang telah diwujudkan untuk menjadi sebuah saluran perkongsian maklumat rasmi bagi perdagangan dan pelaburan di kalangan negara-negara G-15 dan negara-negara Selatan-Selatan lain yang sedang membangun.

Selepas tahun yang ditinjau ini, MRCB telah memeterai satu perjanjian untuk menjalin perkongsian dengan Webvision Inc. (USA), sebuah pusat data Internet berangkaian dan penyedia penyelesaian e-niaga yang utama di Amerika Syarikat, untuk membolehkan MRCB Multimedia menjadi wakil eksklusif bagi produk dan perkhidmatan Webvision di rantau ini yang meliputi negara-negara Asia Tenggara dan beberapa negara Afrika.

**Membentuk Masa Depan** Dengan kebangkitan revolusi Internet yang melanda seluruh dunia dan liberalisasi perdagangan yang bakal dilaksanakan, MRCB sedang mengukuhkan kedudukannya untuk memainkan peranan secara berkesan bagi melahirkan sumber-sumber kritikal untuk merealisasi rancangan perindustrian negara.

MRCB's recovery creates a platform to build upon. Without doubt, there is still room for improvement and we are intently addressing the major issues facing the Group. More significantly, we have successfully reduced the Group's high gearing. As outlined earlier, we intend to reschedule and recalibrate our long-term financing and maturity profiles. All this will translate into improved performance in the subsequent financial years. TV3 and NSTP are at various stages of their restructuring exercises and the balance sheets of these companies are expected to strengthen upon completion of their respective exercises.

MRCB remains committed to the fundamental objective of increasing shareholders' value in the long term. We need to ensure sustainable growth in the years ahead, and to achieve this goal, organic growth alone may not be sufficient. With unprecedented opportunities emerging during the year under review, MRCB has made strategic investments in promising, high-growth areas. This is the kind of forward thinking necessary to consolidate our position and gain lasting breakaway advantages to stay ahead. These will include investments through our Multimedia Division.

However, we also realise that in today's dynamic and technology-driven business environment, market supremacy rests on market recognition or brand dominance. As we continue to evolve structurally and organisationally, we have to concurrently invest in the creation, development and management of the Group brand to ensure that all our stakeholders from shareholders, customers, employees, partners and all with whom we operate, fully understand our vision, our operating philosophy and our business directions.

Pemulihan MRCB menghasilkan landasan kukuh kepadanya untuk berkembang lagi. Ruang untuk memperbaiki masih ada dan kami bercadang untuk mengatasi isu-isu utama yang dihadapi oleh Kumpulan. Antara yang ketara, Kumpulan telah berjaya menangani beban hutang kami. Seperti yang telah disebutkan tadi, Kumpulan juga berhasrat untuk menyusun semula jadual dan mengatur semula pembiayaan kewangan jangka panjang dan kematangan profil kami. Semuanya ini akan dapat dilihat melalui peningkatan prestasi pada tahun kewangan berikutnya. TV3 dan NSTP sedang berada dalam beberapa peringkat langkah penyusunan semula dan kedudukan kunci kira-kira mereka dijangka akan kukuh apabila program penyusunan semula mereka selesai.

MRCB kekal komited kepada objektif utama untuk meningkatkan nilai pemegang saham dalam jangka panjang. Kami perlu memastikan pertumbuhan mampan pada tahun-tahun akan datang dan untuk mencapai matlamat ini, pertumbuhan organik semata-mata mungkin tidak mencukupi. Kemunculan beberapa peluang pada tahun ditinjau, telah mendorong MRCB menyalurkan pelaburan strategik dalam pelbagai bidang yang berpotensi dan berpertumbuhan tinggi. Ini merupakan langkah pemikiran berpandangan jauh yang amat perlu untuk mengukuhkan kedudukan Kumpulan dan memperolehi kelebihan untuk mendahului persaingan. Ini termasuklah pelaburan kami melalui Bahagian Multimedia.

Dalam persekitaran perniagaan masakini yang dinamik dan didorong oleh persekitaran berteraskan perniagaan berteknologi, penguasaan pasaran bergantung kepada pengiktirafan pasaran atau dominasi jenama. Selepas melalui proses evolusi struktur dan organisasinya, pada masa yang sama Kumpulan juga perlu melabur di dalam penghasilan, pembangunan dan pengurusan jenamanya bagi memastikan supaya semua pemegang kepentingan kami, daripada pemegang saham, pelanggan, kakitangan, rakan kongsi dan semua pihak yang bekerjasama dengan kami memahami sepenuhnya wawasan, falsafah operasi dan arah tuju perniagaan kami.

Selepas tahun yang ditinjau ini, Kumpulan telah memulakan pelaksanaan langkah strategik untuk mengukuhkan jenama. Pada pandangan luar, MRCB telah memperkenalkan logo baru, yang mencerminkan destinasinya; perkembangan masa lalu dan masa hadapan. Logo baru ini mengekalkan warna yang sama iaitu merah dan biru tetapi ia menyatu, mengukuh dan menampilkan tafsiran dan rekabentuk komunikasi sejagat; serta mencerminkan kesepaduan, kekuatan dan fokus pada abjad “R” atau singkatnya sumber yang menjadi tunggak MRCB.

Subsequent to the financial year under review, the Group embarked on a Group strategic branding exercise. At the outset, MRCB adopted a new logo; one that represents its destination; evolving from the past to the future. The logo retains the same colours of red and blue but it consolidates, solidifies and comes together in the language of international communications and design; reflecting the solidarity, strength and focus on "R" or Resources that is MRCB.

"Resources for Growth" is the unifying tagline that we hope to implement throughout the Group and the outcome of this effort will evolve into an MRCB culture where a passion for excellence, resourcefulness and honesty will grow and be sustained in the many years to come.

**Acknowledgements** Our human resources are the greatest assets of MRCB. Their dedication, professionalism and loyalty have seen us surface from one of the country's worst economic period. I take this opportunity to thank all our employees for their significant contributions and unwavering support during the Group's times of difficulty and change.

A special thank you is extended to our many loyal shareholders. If we are to succeed in shaping MRCB's present and future with undiminished entrepreneurial courage, foresight and energy, we will need your continued and active support. We would like to thank the following parties that have shown their support: the regulatory authorities, respective Federal, State and statutory authorities, lenders, bankers, contractors, suppliers and business partners.

Last but not least, I wish to express my sincere appreciation to my fellow members of the Board. Their wise counsel and unfailing support have been inspiring.

"Sumber Pembangunan Bersama" menjadi cogan kata rasmi yang kami harap dapat dilaksanakan di dalam Kumpulan dan hasil usaha ini akan melahirkan budaya baru MRCB di mana ciri-ciri mencapai kecemerlangan, berilmu, pintar dan jujur; akan terus dipupuk dan diperluaskan pada tahun-tahun akan datang.

**Penghargaan** Sumber tenaga manusia kami merupakan aset terpenting MRCB. Sikap dedikasi, profesionalisme dan kesetiaan mereka telah membolehkan Kumpulan keluar daripada kegawatan negara yang sukar ini. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada para kakitangan di atas sumbangan besar dan sokongan tidak berbelah bahagi yang telah diberikan sepanjang Kumpulan menghadapi saat-saat kesukaran dan perubahan.

Kami juga ingin menyampaikan ucapan penghargaan di atas kesetiaan para pemegang saham. Jika kita ingin berjaya membentuk MRCB sekarang dan pada masa hadapan; semangat keusahawanan yang tinggi, berpandangan jauh dan bertenaga, sokongan berterusan dan aktif anda semua amat diperlukan. Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada ramai pihak yang telah memberikan sokongan; antaranya pihak penguatkuasa, Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan-badan Berkanun, pemberi pinjaman, jurubank, kontraktor, pembekal dan para rakan perniagaan.

Akhir sekali, saya ingin menyampaikan ucapan penghargaan yang tulus ikhlas kepada rakan-rakan di dalam Lembaga Pengarah. Nasihat mereka yang penuh bijaksana dan sokongan mantap yang diberi telah menjadi pendorong utama untuk saya terus menerajui Kumpulan.

**Dato' Seri Abdul Rahman Maidin**
President/Presiden